

## PROMOSI AKAUN SIMPANAN JUNIOR-i 2019

### TEMPOH PROMOSI

Tarikh Kemas Kini Julai 2019

“Promosi Akaun Simpanan Junior-i 2019” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”), bermula dari 15 April 2019 hingga 31 Julai 2019, termasuk kedua-dua tarikh melainkan diberitahu sebaliknya (“Tempoh Promosi”).

### Terma dan Syarat

Terma dan Syarat Promosi adalah seperti yang berikut:

### KELAYAKAN

- Promosi terbuka kepada semua pelanggan individu HLISB warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun baharu dan sedia ada bagi Akaun Simpanan Junior-I (“Pemegang Akaun”), termasuk Perbankan Prioriti, Perbankan Persendirian dan pekerja bank (“Pelanggan”).
- Bagi mengelakkan keraguan:
  - “Pemegang Akaun Baharu” bermaksud Pemegang Akaun yang membuka JSA-i semasa Tempoh Promosi;
  - “Pemegang Akaun Sedia Ada” bermaksud Pemegang Akaun yang membuka JSA-i sebelum Tempoh Promosi.
- Ibu bapa atau penjaga sah Pemegang Akaun dibenarkan menyertai Promosi bagi pihak Pemegang Akaun yang merupakan benefisiari yang dinamakan dalam JSA-i.
- Promosi **TIDAK** terbuka kepada pelanggan bukan individu iaitu, persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tanpa untung, empunya tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang berdaftar atau diperbadankan dalam Malaysia, termasuk Sendirian Berhad, syarikat tersenarai dan perbadanan multinasional.
- JSA-i yang mengambil bahagian adalah seperti yang berikut (“Akaun Penyertaan”):
  - Akaun Simpanan Junior-i Hong Leong
  - Akaun Junior-i 3 dalam 1 Hong Leong
- Akaun Penyertaan ialah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq

### KAEDAH PROMOSI

#### (i) Hadiah Pelanggan Terawal (“Hadiah”)

- Pemegang Akaun harus mematuhi syarat yang berikut:
  - Jumlah deposit dana baru sebanyak RM3,000 ke dalam Akaun Penyertaan (“Jumlah Peruntukan Minimum”);
  - Diperuntukkan bagi empat (4) bulan berturut-turut (“Tempoh Peruntukan”) dari tarikh Jumlah Peruntukan Minimum didepositkan ke dalam Akaun Penyertaan.

Bil.	Hadiah	Jumlah Peruntukan Minimum	Jumlah Kuantiti (Unit)
1.	Set Penanda Papan Putih <i>Faber Castell</i>	RM3,000	600
2.	Set Peperiksaan <i>Faber Castell</i>	RM3,000	600

#### (ii) Peraduan Deposit JSA-i (“Peraduan”)

- Pemegang Akaun yang menyertai Peraduan berpeluang memenangi hadiah yang dinyatakan dan berhak mendapat bilangan penyertaan tanpa had (tertakluk pada syarat-syarat tertentu yang ditetapkan dalam brosur/pemakluman ini):

Hadiah	Kuantiti (Unit)	Jumlah Deposit / Kriteria Peraduan	Penyertaan Peraduan
Komputer riba MacBook Air baharu 13 inci	1	RM500 setiap deposit	1

9. JSA-i mesti dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dalam Tempoh Promosi dan hingga 30 November 2019 untuk tujuan pemberian hadiah peraduan.
10. Sekiranya JSA-i ditutup bagi sebarang sebab pada atau sebelum **30 November 2019** (yang termasuk pada bila-bila masa dalam Tempoh Promosi), Pemenang akan hilang kelayakan menerima hadiah peraduan.
11. Bagi tujuan Promosi ini, semua deposit mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, "Dana Baharu" ialah:
  - (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain; dan
  - (a) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe yang didepositkan semula ke dalam mana-mana CASA-i.
12. Senarai yang berikut ini tidak dianggap sebagai "Dana Baharu":
  - (a) deposit Tetap-i yang matang ("FD-i") atau pengeluaran pramatang sebarang akaun FD-i sedia ada;
  - (b) pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLISB lain atau Hong Leong Bank ("HLB") (sama ada Akaun Simpanan, Akaun Semasa, Deposit Tetap, Pelaburan Am atau Deposit Bertempoh-i); dan/atau
  - (c) pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3).
13. Peserta yang layak akan dipilih secara automatik berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Promosi, seperti yang dipaparkan dan tercatat dalam sistem HLISB. Borang penyertaan peraduan atau pendaftaran tidak diperlukan untuk Hadiah dan penyertaan Peraduan.

#### **PEMENUHAN PEMBERIAN HADIAH DAN PEMILIHAN PEMENANG**

14. Pemberian sah atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk pada ketersediaan stok dan dihadkan kepada satu (1) Pemberian untuk setiap kategori sepanjang Tempoh Promosi tanpa mengira jumlah yang diletakkan dalam Akaun Penyertaan sepanjang Tempoh Promosi.
15. **Seramai 50 orang Peserta yang layak** akan dipilih secara rambang dan disaring setelah tamat Tempoh Promosi bagi pemilihan pemenang Hadiah Peraduan ("Peserta yang disenaraipendekkan).
16. Peserta yang disenaraipendekkan akan dihubungi oleh pihak HLISB atau pengurus peraduan yang dilantik melalui nombor telefon terkini yang diberikan oleh Peserta yang disenaraipendekkan seperti yang tercatat dalam sistem HLISB SEKALI pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9.00 pagi hingga 5.00 petang) untuk sesi soal jawab bagi menjawab **dua (2)** soalan dengan betul dalam tempoh masa terpantas.
17. Jika Peserta yang disenaraipendekkan gagal menjawab telefon selepas **lima (5)** deringan atas apa jua sebab sekalipun, maka Peserta yang disenaraipendekkan dianggap telah terlepas peluang untuk menang dan pihak HLISB atau pengurus peraduan mempunyai hak mutlak untuk memilih Peserta senarai pendek yang lain jika perlu.
18. Selepas tamat sesi soal jawab, Peserta yang disenaraipendekkan tidak akan diberitahu sama ada dia ialah Pemenang Hadiah Peraduan (seperti ditakrif dalam Fasal 8) atau bukan.
19. Peserta **pertama** teratas yang disenaraipendekkan yang menjawab DUA (2) soalan dengan betul dalam tempoh masa terpantas akan dianggap pemenang.
20. Para Pemenang Hadiah Peraduan akan dimaklumi oleh pihak HLISB sama ada melalui surat, panggilan telefon, khidmat pesanan ringkas (SMS), menyiarkan nama Pemenang dalam laman sesawang HLISB melalui [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) atau apa-apa cara lain yang dikira sesuai oleh pihak HLISB dari 30 November 2019 ("Tarikh Pengumuman Pemenang").
21. Para Pemenang Peraduan bertanggungjawab untuk datang mengambil Hadiah mereka daripada cawangan Bank berkenaan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Pengumuman Pemenang, jika gagal berbuat demikian maka Hadiah itu akan dilupuskan.

## UMUM

22. Dengan menyertai Promosi, Pemegang Akaun bersetuju:
- (a) Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Promosi, Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit Islamik;
  - (b) Melayari laman sesawang HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat peraduan;
  - (c) Memberikan keizinan dan membenarkan HLISB untuk mendedahkan data peribadi mereka, iaitu nombor telefon bimbit kepada pengurus peraduan untuk tujuan Promosi ini;
  - (d) Nama, nombor MyKad/Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka disiarkan atau dipaparkan dalam bahan media, pemasaran atau laman sesawang HLISB untuk tujuan Promosi ini (jika berkenaan); dan
  - (e) Keputusan HLISB atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad atas semua Pemegang Akaun dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLISB tidak akan dilayan.
23. HLISB berhak untuk:
- (a) Menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma dan Syarat yang terkandung dalam brosur ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Promosi ini menurut budi bicara mutlak HLISB dalam masa **dua puluh satu (21)** hari kalendar notis awal dengan cara menyiarkannya dalam laman sesawang HLISB atau dengan apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh HLISB;
  - (b) Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Akaun menurut budi bicara mutlaknya daripada menyertai Promosi atas apa jua sebab sekalipun, tidak terhad pada keadaan berikut:
    - (i) jika Pemegang Akaun telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLISB; atau
    - (ii) jika Pemegang Akaun telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen sama ada oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
24. Terma dan Syarat dalam brosur ini, Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i) hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat dalam brosur ini dengan Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), maka Terma dan Syarat dalam brosur ini hendaklah diutamakan bagi percanggahan tersebut.
25. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat dalam brosur ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan Promosi, maka Terma dan Syarat muktamad dalam laman sesawang HLISB pada tarikh terkini hendaklah diutamakan.
26. Terma dan Syarat tertakluk pada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Peserta Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah Malaysia.

**Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**